

### PELANTIKAN SYARIKAT UNTUK MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PUSAT PANGGILAN ASNB DAN *LIVE CHAT*

1. PNB mempelawa syarikat yang berdaftar, berpengalaman dan berkelayakan untuk menyertai tender bagi kerja yang dinyatakan dan memenuhi kriteria-kriteria berikut:

KRITERIA WAJIB	
<b>i. Pendaftaran Kontraktor</b>	Syarikat <b>WAJIB</b> mempunyai status Malaysia Digital (MD) yang sah di bawah Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).
<b>ii. Pengalaman</b>	Berpengalaman dalam melengkap sekurang-kurangnya dua (2) projek dalam kerja perkhidmatan pusat panggilan institusi kewangan atau yang seumpamanya.
<b>iii. Keupayaan Teknikal</b>	Kakitangan yang kompeten dengan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bagi pengurusan projek dalam kategori kerja yang sama.
<b>iv. Modal Berbayar</b>	Syarikat hendaklah mempunyai modal berbayar minimum sebanyak RM1,000,000.00.

2. Skop kerja yang berkaitan dengan projek ini adalah seperti berikut:

SKOP KERJA TENDER	
<b>i.</b>	Pusat Panggilan Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") akan bertindak sebagai pusat panggilan setempat untuk menjawab pertanyaan/ memberi maklumbalas daripada/kepada orang awam berkenaan produk/perkhidmatan/skop – skop yang berkaitan ASNB yang diterima secara telefon dan <i>live chat</i> .
<b>ii.</b>	Syarikat yang dilantik akan menyediakan semua infrastruktur, pekerja, teknologi, sistem, peralatan dan lokasi bagi operasi Pusat Panggilan ASNB.

3. **PENDAFTARAN HASRAT**

Petender yang ingin menyertai tender WAJIB menyatakan hasrat dan menghantar dokumen (kriteria wajib) melalui emel ke [procurement@pnb.com.my](mailto:procurement@pnb.com.my) dan [nurulasyiqeen@pnb.com.my](mailto:nurulasyiqeen@pnb.com.my) dengan menyatakan juga nombor Ariba Network ID (ANID) PNB bermula **26 MAC 2026 sehingga 8 APRIL 2026, pada atau sebelum jam 5:00 petang**. Manakala mana-mana syarikat yang belum mendaftarkan dalam sistem SAP Ariba PNB perlu berbuat demikian. Semua pendaftaran syarikat dalam SAP Ariba PNB boleh dibuat di laman mikro Perolehan PNB di <https://bit.ly/305E7Wc> atau [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

4. **TAKLIMAT TENDER**

Hanya syarikat yang berjaya menghantar emel dan mendaftarkan syarikat mereka dalam sistem SAP Ariba PNB mengikut syarat ditetapkan layak dijemput untuk taklimat tender. **KEHADIRAN DALAM TAKLIMAT TENDER SECARA VIRTUAL** adalah **MANDATORI**. PNB berhak menolak penyertaan tender sekiranya gagal hadir dalam taklimat tender.

5. **PENYERAHAN TENDER MELALUI SISTEM SAP ARIBA PNB**

Semua maklumat dan proses tender (jemputan tender, pengambilan dan penyerahan dokumen tender) adalah menggunakan sistem SAP Ariba PNB. Hanya syarikat yang berdaftar dengan sistem ini serta menghadiri taklimat, lawatan tapak dan mengikut syarat ditetapkan adalah layak menyertai tender.

6. PNB berhak untuk menerima atau menolak sebarang permohonan dan membatalkan proses tender ini serta menolak semua permohonan tanpa sebarang liabiliti atau tanggungjawab untuk memaklumkan tindakan yang sedemikian kepada syarikat yang terlibat. Hanya syarikat yang berjaya sahaja akan dimaklumkan.

7. PNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan yang ditanggung oleh para penender ketika menyediakan dan menyempurnakan dokumen tender ini. Syarikat Bumiputera digalakkan memohon.